



DASAR MEDIA

Telah diluluskan oleh:

Mesyuarat Eksekutif Pengakap Negara (MEPN) Bil. 1/2016

No. Rujukan : PPM-6(001)/2016

Tarikh kelulusan: 22 Mei 2016

Disediakan oleh:

**Jawatankuasa Komunikasi Korporat dan Perhubungan Strategik
(COMSTAR)**

Dasar Media PPM

1. Pengenalan

Persekutuan Pengakap Malaysia ialah sebuah pertubuhan berpengaruh dan disegani. Pertubuhan ini komited membina reputasi sebagai penyedia perkhidmatan yang cemerlang dan profesional serta berusaha menjalin hubungan erat dengan para Pengakap, Pemimpin, pihak berkepentingan serta masyarakat umum. Sebagai tempat rujukan utama dalam semua perkara berkaitan kepengakapan, latihan belia dan pendidikan yang berteraskan kepada Persejutuan dan Undang-undang Pengakap, serta berlandaskan Kaedah Pengakap, Persekutuan Pengakap Malaysia turut menjadi tumpuan media. Maka, penyampaian maklumat yang tepat dan jelas adalah penting bagi memastikan imej positif dan kredibiliti PPM terpelihara.

2. Objektif Dasar

Dasar ini diwujudkan bagi memastikan segala maklumat yang didedahkan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia adalah:

- I. Tepat pada masanya, sahih, jelas dan menyeluruh
- II. Mempunyai kewibawaan dan relevan dengan semua aspek yang berkaitan dengan Persekutuan Pengakap Malaysia.

Pematuhan dasar ini menyediakan rangka kerja yang efektif dan efisien untuk memudahkan penyebaran maklumat secara cepat dan tepat pada waktunya.

3. Skop Dasar

Dasar ini terpakai kepada semua ahli Pengakap di bawah naungan Persekutuan Pengakap Malaysia, termasuk di peringkat setiap negeri, daerah dan unit, serta ahli Majlis Negara, Negeri dan Daerah.

Itu meliputi semua bentuk media, termasuk media penyiaran (radio, televisyen, satelit dan sebagainya), elektronik, media dalam talian dan media bercetak.

4. Pelaksanaan Dasar

4.1 Jurucakap Rasmi

Jawatankuasa Kecil Media (di bawah Jawatankuasa Komunikasi Korporat dan Perhubungan Strategik – COMSTAR) ialah sebagai penghubung utama media dan jurucakap rasmi Persekutuan Pengakap Malaysia.

Mereka bertanggungjawab :

- I. Menjawab pertanyaan media dengan tepat dan konsisten..
- II. Menyampaikan pendirian rasmi PPM terutama bagi isu sensitif atau kontroversi.
- III. Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang program, latihan dan aktiviti Pengakap.
- IV. Mempromosi imej positif PPM kepada pihak berkepentingan, penaja, rakan strategik, kerajaan dan Masyarakat antarabangsa.

Sekiranya perlu, individu lain dengan kepakaran tertentu boleh dilantik sebagai jurucakap bagi isu khusus, dengan bimbingan dan persediaan daripada Jawatankuasa Kecil Media.

4.2. Komunikasi dengan Media

- Semua pernyataan media mesti dirujuk kepada Jawatankuasa COMSTAR Kebangsaan.
- Ahli atau pemimpin tidak dibenarkan memberi kenyataan terus kepada media tanpa kebenaran.
- Jawapan rasmi yang perlu diberikan sekiranya dihubungi media: “*Semua pertanyaan media hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa COMSTAR Kebangsaan*”.

4.3. Fotografi dan Rakaman

- Sebarang rakaman atau fotografi di premis, acara atau aktiviti PPM hanya dibenarkan dengan kelulusan Jawatankuasa COMSTAR Kebangsaan.
- Penilaian kelulusan akan mengambil kira manfaat kepada PPM, kesesuaian premis, tahap gangguan terhadap operasi serta pematuhan penggunaan logo.
- Wartawan atau kru media yang hadir tanpa notis hendaklah dilayan secara sopan serta profesional dan perkara tersebut dimaklumkan segera kepada Jawatankuasa COMSTAR Kebangsaan.

4.4. Liputan Media

- Hanya Jawatankuasa COMSTAR Kebangsaan diberi kuasa mengedarkan berita, mengadakan siding media atau mencadangkan liputan.
- Ahli tidak dibenarkan berhubung terus dengan wartawan tanpa kebenaran.
- Liputan dalaman boleh disalurkan melalui penerbitan rasmi PPM seperti Buletin Pengakap Malaysia atau Berita Pengakap Malaysia.

5. Kenyataan Ringkas Persekutuan Pengakap Malaysia (*Boilerplate*)

Kenyataan rasmi untuk memperkenalkan Persekutuan Pengakap Malaysia adalah seperti berikut:

"PPM merupakan gerakan belia terbesar dan paling berpengaruh di Malaysia. PPM menyediakan pembangunan sahsiah dan Latihan kepimpinan berasaskan Kaedah Pengakap yang berlandaskan kepada Undang-undang dan Persetiaan Pengakap.

Dengan lebih 120,000 pemimpin berdaftar, PPM berperanan membentuk belia berdisiplin, berdaya tahan dan bertanggungjawab. Ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, Akta 784 pada tahun 1968, PPM ialah ahli Pertubuhan Pergerakan Pengakap Sedunia yang mewakili lebih 57 juta ahli dari 176 negara.

6. Logo Persekutuan Pengakap Malaysia

Logo Persekutuan Pengakap Malaysia hanya boleh digunakan oleh pihak media dengan permohonan bertulis. Format yang tersedia adalah seperti berikut:

- **4C, CMYK AI/EPS/JPG (210 dpi)**
- **1C, GRayscale/MONO AI/EPS/JPG (120 dpi)**

7. Penutup

Dasar ini berkuat kuasa kepada semua ahli dan entiti di bawah PPM. Semua pihak berkepentingan, termasuk rakan Kerjasama dan pembekal wajib mematuhiinya demi menjaga kredibiliti serta reputasi PPM.